

**Teks Ucapan Perasmian**

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan**  
**2017**  
**24 Mei 2017 | 8.00 pagi**  
**TH Hotel, Kota Kinabalu**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia**

**Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Jualang @ Azlan  
Abdullah bin Gansau**

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

**Yang Berusaha Prof. Emeritus Dr. Ahmat Adam**

Pengucap Utama Persidangan Antarabangsa  
Pengajian Kemanusiaan 2017

**Prof. Madya. Dr. Asmiaty Amat**

Pengerusi Persidangan Antarabangsa Pengajian  
Kemanusiaan 2017

**Dekan-dekan dan Pengarah-pengarah Jabatan,  
Fakulti, Pusat, Institut dan Unit UMS,  
Para Pembentang dan Peserta Persidangan,  
Tuan-tuan, Puan-puan dan Para Hadirin yang  
dihormati sekalian,**

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat berkumpul bersama-sama pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan 2017 di pagi yang indah ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah mengundang saya ke majlis ilmu ini, sekaligus menyempurnakan majlis perasmian persidangan ini sebentar sahaja lagi.

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan atas komitmen dan dedikasi yang tinggi sehingga persidangan ini dapat diadakan pada hari ini. Harapan saya semoga persidangan ini akan dapat berjalan lancar dengan jayanya.

**Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian,**

Proses globalisasi memerlukan seseorang untuk sentiasa mengemas kini ilmu yang sedia ada dalam bidang kepakaran masing-masing. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan ilmu yang sedia ada menjadi ketinggalan zaman dan tidak dapat membantu dalam pembangunan modal insan sesebuah negara.

Dalam hal ini, persidangan seperti hari ini, merupakan satu platform terbaik yang mampu membawa pelbagai idea kemanusiaan di bawah satu bumbung untuk dibincangkan, dicabar, dikritik dan diterima oleh para peserta persidangan nanti.

Saya difahamkan oleh pihak penganjur bahawa terdapat lebih dari 100 kertas kerja daripada pelbagai sudut kemanusiaan yang bakal dibentangkan dalam persidangan ini. Para pembentang pula terdiri daripada ahli akademik, pelajar pascasiswazah, pegawai kerajaan dan swasta dari dalam dan luar negara.

Saya berharap para peserta persidangan akan bersikap terbuka untuk menerima kritikan ilmu dan pada masa yang sama menggunakan persidangan ini sebagai satu cara untuk meluaskan jaringan akademia khususnya dalam kerjasama penyelidikan.

**Para hadirin yang saya hormati,**

Bagi peserta-peserta persidangan dari luar Sabah, sambil melibatkan diri dalam perbincangan keilmuan, ambillah kesempatan ini untuk memahami masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan agama.

Jika sempat, melanconglah ke bahagian-bahagian lain seperti ke kawasan pedalaman dan Pantai Timur Sabah yang memang kaya dengan flora dan fauna serta varieti budaya.

Keunikan budaya dan cara hidup Sabah sudah tentu akan memberikan satu pengalaman baru dalam kehidupan anda untuk dibawa pulang bersama.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah atas kejayaan penganjuran Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan 2017 yang bermanfaat ini.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan 2017.

Sekian dan selamat bersidang.